

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
(PERMATANG PAUH)**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status semasa kes-kes rasuah berprofil tinggi yang masih tertunggak didakwa dan data mengenai laporan, siasatan, tangkapan serta pendakwaan kes-kes rasuah terkini.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM tidak membezakan sama ada kes-kes berprofil tinggi atau kes-kes biasa, semua siasatan dilaksanakan secara adil tanpa pilih kasih, kedudukan dan fahaman politik.

Setiap Kertas Siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya setelah selesai siasatan. Sebagai mekanisme *check*

*and balance*, sebuah panel bebas iaitu Panel Penilaian Operasi (PPO) telah ditubuhkan untuk menyemak kembali Kertas Siasatan yang tidak didakwa dan seterusnya boleh memohon kepada Jabatan peguam Negara untuk mengkaji semula Kertas Siasatan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 6,166 Kertas Siasatan telah dibuka dari tahun 2009 hingga Ogos 2014 yang melibatkan semua kes rasuah yang disiasat.

Sekian, terima kasih.